

Karnival

Hospitaliti dan

Kepenggunaan

UM JS.11.2012 22

KOTA KINABALU 14 Nov. - Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (SPE-UMS) menerusi Program Pengurusan Perhotelan akan menganjurkan Karnival Hospitaliti dan Kepenggunaan 2012 pada 19 November ini.

Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Arsiah Bahron berkata, karnival itu bertujuan memberi pendedahan kepada para mahasiswa UMS tentang industri hospitaliti dan pelancongan melalui ekspo dan pameran yang dijalankan sepanjang penganjuran tersebut.

Katanya, selain pameran karnival yang diadakan di Dataran Dewan Canselor itu turut memuatkan pelbagai acara menarik termasuk pertandingan makan, pertandingan teh tarik dan acara utama iaitu pertandingan 'Mari Memasak Bersama Maggi dan Petronas'.

Menurutnya, pertandingan memasak berkonsepkan 'Iron Chef' itu diharap dapat meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan mahasiswa.

"Apa yang menariknya, segala ramuan yang disediakan untuk memasak hanya akan didedahkan kepada peserta ketika pertandingan itu dijalankan," katanya di sini baru-baru ini.

Tambahnya, karnival yang akan bermula seawal pukul Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.